



# Laporan Prestasi Dana 2021

Menjamin hari ini dan esok



# Kandungan Laporan Prestasi Dana 2021

## 1

### Gambaran Keseluruhan

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	4
Ulasan & Tinjauan Pasaran 2021	6
Dana Ekuiti Allianz Life	10
Dana Terurus Allianz Life	18
Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life	26
Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life	37
Dana Global High Payout Allianz Life	45
Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life	53
Dana Induk Bon Allianz Life	61
Dana Induk Ekuiti Allianz Life	74
Dana Induk Dividen Allianz Life	85
Dana Bon Allianz Life	96
Dana Padu Allianz Life	104
Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life	112

Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life	123
Dana ASEAN PLUS Allianz Life	131
Dana Induk ASEAN PLUS Allianz Life	139
Dana Ekuiti All China Allianz Life	150
Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life	158
Dana Pendapatan Oriental Allianz Life	166
Dana Ekuiti Asia Total Return Allianz Life	174
Dana Pendapatan Global Allianz Life	182
Lampiran	190





Imbas kod QR untuk membaca versi  
digital Laporan Tahunan ini yang  
disediakan di laman web korporat kami.

# Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

**Pemegang polisi berkaitan  
pelaburan yang dihargai,**

Dengan sukacitanya kami membentangkan Laporan Prestasi Dana Allianz Life Insurance Malaysia Berhad bagi tahun 2021. Ia adalah sebuah lagi tahun yang dipenuhi cabaran, akibat pandemik COVID-19 yang tidak berkesudahan dan banjir yang mengakibatkan kemusnahan, namun kami tetap mengutamakan pelanggan dan ketahanan syarikat.

Ia sememangnya satu tahun yang mencabar dengan sekatan ekonomi dan kebimbangan yang memuncak dalam kalangan masyarakat. Sebagai sebuah sebuah syarikat insurans, adalah penting bagi kami untuk kekal kukuh dan mencari penyelesaian yang diperlukan oleh para pelanggan kami.

Salah satu perkara yang kami laksanakan pada tahun lepas ialah menawarkan sokongan berkaitan dengan COVID-19 dan vaksinasi menerusi inisiatif We Care Community yang termasuk ganjaran kesihatan dan kesejahteraan serta akses percuma kepada sokongan telekesihatan bagi nasihat perubatan melalui Allianz Careline.

Kami juga memperkenalkan program Allianz C.E.O (Career of Excellence and Opportunity dan baru-baru ini, Allianz L.E.A.P. (Learn. Engage. Apprenticeship. Purpose. Program-program ini dirancang untuk membantu calon-calon yang berpotensi terutamanya graduan muda untuk memperoleh kerjaya dengan masa hadapan yang cerah dalam industri insurans ketika suasana kadar pengangguran yang meningkat di negara ini.



Imbas kod QR bagi maklumat lanjut atau  
melayari laman web kami [allianz.com.my](http://allianz.com.my)





Produk-produk berkaitan dengan pelaburan merekodkan pertumbuhan teguh sebanyak **21.0%** dalam premium bertulis kasar dan **65.5%** dalam premium perniagaan baharu pada tahun 2021.

Inisiatif-inisiatif ini juga selaras dengan pelbagai usaha kami untuk meneruskan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam syarikat. Ini adalah untuk memastikan kami mengambil berat tentang kepentingan pelanggan kami serta mencungkil bakat sambil mencari kepakaran yang sesuai untuk menyokong syarikat kami.

Dari segi produk-produk berkaitan dengan pelaburan, kami mengembangkan penawaran produk dana berkaitan dengan pelaburan pada tahun 2021 untuk menyediakan banyak peluang-peluang pelaburan ekuiti asing termasuk Dana Pendapatan Oriental Allianz Life yang memfokuskan kepada pelaburan ekuiti dan bon Asia Pasifik, Dana Ekuiti All China Allianz Life yang melabur dalam ekuiti China, Hong Kong dan Macau, Dana Kecerdasan Buatan Global Allianz Life tematik yang berkisar pada ekuiti berkaitan dengan evolusi kecerdasan buatan, Dana Pendapatan Global Allianz Life yang memfokuskan kepada pasaran ekuiti dan bon global, serta Dana Ekuiti Asia Jumlah Pulangan Allianz Life yang menyasarkan pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang dengan melabur dalam pasaran ekuiti Republik Korea, Taiwan, Thailand, Hong Kong, Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan/atau Republik Rakyat China.

Sementara itu, dana prinsipal di bawah pengurusan kami, Dana Ekuiti Allianz Life dan Dana Terurus Allianz Life mencatatkan pulangan masing-masing sebanyak +3.95% dan +1.69%, berbanding dengan pulangan yang dicatatkan oleh penanda aras yang sepadan dengannya sebanyak -4.23% dan -1.12%. Apabila diukur sepanjang tiga tahun terdahulu, pulangan tahunan Dana Ekuiti Allianz Life dan Dana Terurus Allianz Life merekodkan pulangan sebanyak 1.38% dan 2.21% berbanding dengan pulangan pasaran yang direkodkan sebanyak -1.26% dan 0.79% setiap tahun. Tambahan lagi, dibandingkan dengan prestasi terdahulu secara keseluruhan sejak permulaan pada tahun 2000, Dana Ekuiti Allianz Life dan Dana Terurus Allianz Life turut merekodkan keputusan positif dengan pulangan tahunan sebanyak +7.79% dan +8.11% mengatasi penanda aras masing-masing sebanyak 4.44 titik peratusan dan 4.60 titik peratusan. Meskipun kelemahan menyelubungi pasaran ekuiti pada tahun 2021, ekuiti kami - dana-dana berkaitan dengan pelaburan berjaya mengatasi penanda aras yang ditetapkan sepadan dengannya. Maka, produk-produk berkaitan dengan pelaburan kami merekodkan pertumbuhan teguh sebanyak 21.0% dalam premium bertulis kasar dan 65.5% dalam premium perniagaan baharu pada tahun 2021.

Produk-produk berkaitan dengan pelaburan merekodkan pertumbuhan teguh sebanyak 21.0% dalam premium bertulis kasar dan 65.5% dalam premium perniagaan baharu pada tahun 2021.

Melayari tahun 2022, Kementerian Kewangan mengunjurkan bahawa Malaysia seharusnya mencapai pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak +5.5 hingga 6.5% dari tahun ke tahun (YoY) bersandarkan kejayaan membendung pandemik COVID-19, pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang berkesan dan prospek ekonomi global yang kukuh. Pada awal Februari 2022, Menteri Kesihatan menyifatkan PICK Kanak-kanak (PICKids) yang dilancarkan baru-baru ini sebagai "kepingan teka-teki terakhir" ketika negara bersiap sedia untuk meningkatkan kawalan COVID-19 untuk pulih kepada keadaan normal prapandemik.

Walau bagaimanapun, kami akan kekal berwaspada untuk pelbagai cabaran endogen dan exogen yang termasuk ancaman berpotensi varian Omicron COVID-19 yang lebih mudah berjangkit, risiko kadar inflasi tinggi, kesesakan tenaga kerja dan isu-isu ESG yang boleh menggugat rantaian bekalan serta kemungkinan ketidaktentuan politik kembali disebabkan oleh Pilihanraya Umum ke-15 yang mesti diadakan sebelum Julai 2023.

Kami akan terus memfokuskan pelaburan kami kepada peluang-peluang yang baik dari segi asasnya, di samping mengamalkan pendirian pengurusan berhemat namun munasabah berdasarkan trajektori pertumbuhan jangka panjang pasaran kami.

Strategi perniagaan Allianz Life kekal berteraskan pelanggan, walaupun persekitaran tidak menetu dan berubah-ubah. Kami juga akan terus kekal tangkas, inovatif dan memacu pelan digitalisasi kami.

Akhir sekali kami ingin sekali lagi merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas anda atas kepercayaan dan sokongan berterusan terhadap kami.

**Joseph Gross**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Allianz Life Insurance Malaysia Berhad

23 Mac 2022

# Ulasan Pasaran

Indeks MSCI World meneruskan momentum positive pada tahun 2021 dengan perolehan YoY sebanyak 20.14%. Momentum ini ialah kesinambungan daripada trend positif yang bermula pada tahun 2019, bersandarkan dorongan global tanpa penghalang untuk kembali pulih kepada keadaan normal pascapandemik. Namun begitu, segalanya tidak berjalan lancar kerana bermula dengan ketidaktentuan yang dicetuskan oleh penularan varian baharu COVID-19 yang menggugat pemulihan yang baru bermula. Antara contoh varian baharu ialah varian Delta dan Omicron yang diisyiharkan antara "varian yang mendapat perhatian" oleh Organisasi Kesihatan Dunia (WHO) masing-masing pada 10 Mei 2021 dan 26 November 2021. Ketika pembukaan semula ekonomi global, varian Omicron walaupun kurang berbahaya berbanding dengan varian yang sebelumnya, telah meningkatkan semula bilangan jangkitan baharu secara global kepada rekod paling tinggi yang dilaporkan, iaitu sebanyak lebih daripada empat juta kes baharu setiap hari pada Januari 2022. Angka ini, sekiranya tidak berkurang, mungkin akan mengancam untuk melambatkan proses pemulihan ekonomi.

Di Amerika Syarikat (AS), Dow Jones Industrial Average meningkat sebanyak +18.73% YoY disebabkan oleh pertumbuhan KDNK tahunan pada asas suku tahunan (QoQ) yang kekal positif selepas penguncutan dua suku tahunan dalam separuh pertama tahun 2020 (1H20). Indeks Markit Composite Purchasing Manager (PMI) yang mengukur pertumbuhan dalam sektor swasta juga menunjukkan aliran bacaan meningkat terus-menerus sejak Jun 2021. Pasaran buruh turut meningkat sejak pandemik bermula, dengan mencatatkan kadar pengangguran sebanyak 4.0% dan kadar pertumbuhan upah yang kukuh dengan guna tenaga yang hampir penuh pada Januari 2022. Bagaimanapun, dari segi trajektori, inflasi melonjak dengan kadar yang membimbangkan. Ini dicatatkan menerusi Indeks Harga Pengguna AS yang berterusan meningkat sepanjang tahun 2021 dan mencecah tahap tertinggi sebanyak +7.5% YoY pada Januari 2022, tahap yang tidak pernah dicapai sejak Februari 1982. Inflasi yang memuncak pada tahap yang membimbangkan mendorong Federal Reserve untuk tidak lagi melihat fenomena inflasi sebagai bersifat sementara, dan mengalihkan fokus kepada pendirian kukuh apabila ia mula mengurangkan pembelian bon. Pada Disember 2021, Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) mengumumkan bahawa ia akan mengurangkan pembelian bulanan bon Perbendaharaan dan sekuriti bersandar gadai jangka sebanyak US\$30 bilion setiap bulan, akan mengakhiri



pembelian tersebut menjelang Mac 2022. FOMC juga memberi isyarat bahawa peningkatan kadar dana persekutuan akan bermula sebaik sahaja tamat dasar pelonggaran kuantitatif.

Di Eropah, Indeks Stoxx50 melonjak sebanyak +20.99% YoY dipacu oleh pelbagai aktiviti ekonomi yang teguh walaupun muncul semula jangkitan COVID-19 merentas wilayah seperti yang ditunjukkan oleh pengembangan Indeks Pengurus Pembelian PMI Sektor Pembuatan Markit Eurozone sejak Jun 2021. Seperti AS, Indeks Harga Pengguna Kesatuan Monetari Eurozone (MUICP) telah memuncak sejak Disember 2020 kepada tahap tertinggi dalam sejarah sebanyak +5.1% YoY pada Januari 2022. Meskipun mengamalkan pendekatan lembut pada tahun 2021, Presiden Bank Pusat Eropah (ECB) mengakui bahawa risiko tinjauan inflasi cenderung untuk menaik, namun merosot bagi mengulang panduan terdahulu bahawa peningkatan kadar faedah pada tahun 2022 tidak mungkin berlaku. Pada Disember 2021, ECB mengumumkan bahawa ia akan mengurangkan pembelian bon di bawah Program Pembelian Kecemasan Pandemik dan akan mengakhiri pembelian aset tersebut menjelang Mac 2022. Sementara itu, Bank of England menjadi bank pusat pertama yang melaksanakan dasar peningkatan kadar sejak pandemik COVID-19 melanda, apabila ia menaikkan kadar faedah kepada 0.25% daripada 0.10% pada Disember 2021.



Ketinggalan di belakang rakan setara Baratnya, Indeks Komposit Bursa Saham Shanghai China hanya mencatatkan kenaikan sebanyak +4.80% YoY disebabkan oleh momentum pertumbuhan ekonominya yang makin. KDNK China berkembang sebanyak +8.1% YoY berdasarkan pertumbuhan pengeluaran industri yang mengurangkan penurunan jualan runcit. Meskipun berlaku pertumbuhan ekonomi, pihak berkuasa negara China menyedari bahawa faktor luaran akan bertambah rumit dan tidak menentu, dan ekonomi domestik akan berada di bawah tekanan tiga serangkai, penguncutan permintaan, kejutan penawaran dan jangkaan merosot. Berlatarbelakangkan situasi ini, Persidangan Kerja Ekonomi Pusat pada Disember 2021 menekankan "kestabilan" sebagai kunci utama dasar ekonomi pada tahun 2022. Tambahan lagi, ekonomi negara China menghadapi cabaran dari segi pelbagai faktor lain seperti pencatuan bekalan kuasa dan pelaksanaan pemotongan untuk mengurangkan emisi dan perubahan kawal selia yang boleh menjelaskan sektor teknologi, harta tanah dan pendidikan. Walau bagaimanapun, bagi mengutamakan kestabilan ekonomi, People's Bank of China (PBOC) telah meningkatkan usaha pelonggaran dasar monetari dan melakukan pemotongan 0.05 titik peratusan (ppt) dalam institusi kewangan Nisbah Keperluan Rizab (RRR) pada bulan Disember yang akan menyuntik hampir 1.2 trilion renminbi ke dalam pasaran, dan ini merupakan pemotongan RRR kedua pada

Pertumbuhan KDNK  
Malaysia bagi tahun 2021

+3.1%  
YoY

tahun 2021. Pada Januari 2021, PBOC membuat pemotongan Kemudahan Pinjaman Sederhana (MLF) 1-tahun sebanyak 0.10 titik peratusan kepada 2.85%, menurunkan Kadar Utama Tempatan (LPR) sebanyak 0.05 titik peratusan. Ia merupakan pemotongan pertama sejak April 2020, dan mengurangkan LPR 1-tahun sebanyak 0.10 titik peratusan.

Sepanjang tahun yang ditinjau, harga minyak mentah Brent melambung naik +50.15% YoY kepada US\$77.78 setong (bbl). Pada awal tahun, harga naik disebabkan oleh pemberian vaksin global yang menunjukkan ekonomi kembali kepada keadaan biasa. Pemotongan pengeluaran sukarela oleh Arab Saudi sebanyak satu juta tong sehari mulai Februari hingga Mac dan taufan yang membadi AS menyebabkan gangguan pengeluaran, turut menyumbang kepada kenaikan harga minyak. Kemudian, berlaku kenaikan harga yang didorong oleh peningkatan permintaan minyak mentah global bersandarkan pemulihan ekonomi seluruh dunia secara beransur-ansur. Manakala harga minyak mentah Brent secara umumnya, menaik, wujud keadaan ketidaktentuan yang timbul daripada kemunculan semula COVID-19, seperti varian Omicron. Selain itu, harga minyak sawit juga naik sebanyak +32.59% YoY kepada RM5,159 setiap metrik tan didorong oleh kadar pengeluaran yang rendah terutamanya disebabkan oleh kekurangan pekerja. Bagaimanapun, pada Jun 2021, terdapat gangguan terhadap harga minyak sawit serta pengembalian polisi pelonggaran yang telah menyebabkan penyusutan nilai Ringgit kepada RM4.1665: US\$1.00 berbanding dengan RM4.0203:US\$1.00 setahun yang lalu.

Pada peringkat domestik, tahun 2021 terbukti kurang memberangsangkan disebabkan oleh pergerakan FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBMKLCI) dalam julat yang terbatas, mengakhiri tahun dengan penurunan sebanyak 3.67%. Tahun ini juga terdapat pengenalan semula sekatan pergerakan COVID-19 yang telah melambatkan proses pembukaan semula ekonomi pasca pandemik yang telah lama dinanti-nanti. Ia bermula dengan pengisytiharan keadaan darurat di seluruh negara mulai Januari 2021 hingga Ogos 2021 untuk membendung penularan virus ini. Berikut pengisytiharan darurat, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menimbulkan gangguan dari segi ekonomi seperti PKP 2.0 pada Januari 2021 dan PKP 3.0 pada Mei 2021. Namun, program vaksinasi COVID-19 yang mula dilaksanakan pada Februari 2021, telah berjaya memvaksin lebih kurang 97.5% daripada populasi dewasa Malaysia menjelang akhir tahun 2021.

# Ulasan Pasaran

Ini memang membantu meletakkan negara ke arah yang betul untuk pulih kepada keadaan biasa di bawah Pelan Pemulihan Negara (NRP) yang dirancang untuk mengawal pandemik secara progresif untuk membuka kembali masyarakat dan ekonomi ke arah mencapai "kebiasaan baru". Dari sudut ekonomi, selepas penguncupan 5.6% YoY pada tahun 2020, pertumbuhan KDNK Malaysia 2021 mencecah +3.1% YoY yang sejajar dengan sasaran Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak +3 hingga 4% YoY. Bank pusat memaklumi terdapat perubahan KDNK dalam suku keempat tahun 2021 (4Q21) yang didorong oleh pemulihan dalam pasaran tenaga buruh yang mendapat sokongan polis serta kelonggaran langkah-langkah pembendungan di bawah NRP. Dengan pemulihan ekonomi yang sedang berlangsung, kadar pengangguran negara kita bertambah baik kepada 4.2% pada Disember 2021 daripada 4.8% pada Disember 2020.

Selain kebimbangan yang timbul daripada COVID-19, terdapat juga ketidaktentuan berkisarkan situasi politik dalam negara. Pergelutan politik yang berakhir dengan pelantikan Perdana Menteri baharu pada bulan Ogos, menangguhkan ketidaktentuan politik yang telah lama menjelaskan sentimen pasaran. Hal ini menyebabkan FBMKLCI Malaysia mencatatkan perolehan bulanan paling kukuh sejak Oktober 2011, menaik +7.14% bulan ke bulan (MoM). Kemudiannya, memorandum persefahaman (MoU) tentang Transformasi dan Kestabilan Politik ditandatangani pada September 2021 antara kerajaan Persekutuan yang baharu dan parti-parti pembangkang di bawah Pakatan Harapan yang menggariskan bentuk kerjasama dwipartisan, menenangkan iklim politik yang selanjutnya menimbulkan persekitaran pasaran yang lebih kondusif. Dengan redanya ketidaktentuan politik, aliran keluar ekuiti bersih asing mula berlaku pada Ogos 2021, menjadikan aliran keluar ekuiti bersih asing kepada RM3.2b, -87.2% YoY.

Sementara itu, rakan setara ASEAN mencatatkan prestasi yang lebih baik, sejajar dengan pasaran global. Bursa Saham Thailand meningkat sebanyak +14.37% YoY ekoran daripada langkah negara tersebut secara beransur-ansur membuka sempadan bagi tujuan pelancongan. Indeks Straits Times Singapura juga naik +9.84% YoY disebabkan oleh peningkatan tinjauan makroekonomi bersandarkan pembukaan semula ekonomi. Indeks Komposit Jakarta Indonesia melonjak sebanyak +10.08% YoY disebabkan oleh kelonggaran Sekatan Aktiviti Komuniti Darurat yang bermula pada Julai 2021.

Bagi tahun 2021, dana asing bersih membuat pembelian sekuriti hutang tempatan sebanyak RM33.6 bilion, yang merupakan aliran masuk paling kukuh sejak tahun 2012. Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meningkat sebanyak 73-106 mata asas (bps) merentas keluk rata dengan MGS 10-tahun mengakhiri tahun pada kadar 3.56%. Ini timbul daripada sentimen optimistik dalam pemulihan ekonomi global memandangkan kes COVID-19 menjadi lebih stabil berikutan program vaksinasi global. BNM mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) tidak berubah pada paras 1.75% bagi tahun 2021, sejajar dengan jangkaan pasaran.

## Tinjauan

Tahun 2022 akan memperlihatkan tanda cabaran-cabarank eksogen (luaran) dan endogen (dalaman) pada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dalam pada itu, wujud risiko yang timbul daripada proses mempercepat pembalikan dasar monetari yang bersesuaian dengan bank-bank pusat utama pada peringkat global apabila inflasi semakin memuncak di Amerika Syarikat (AS) dan Kesatuan Eropah (EU). Tambahan pula, pengukuhan dolar AS mungkin menyebabkan penyusutan nilai ringgit. Perkembangan ini mungkin akan memaksa BNM untuk meningkatkan OPR yang sehingga kini dikekalkan pada paras rendah selaras dengan pelan bank pusat untuk mengekalkan pertumbuhan. Risiko geopolitik yang sedang bergolak di wilayah Rusia-Ukraine setelah Presiden Rusia Vladimir Putin melancarkan operasi ketenteraan secara besar-besaran terhadap Ukraine baru-baru ini akan mendorong kepada konflik terbuka dan mungkin memudaratkan pemulihan ekonomi. Berhubung dengan COVID-19, walaupun varian Omicron kelihatan kurang berbahaya, ia mudah menular. Dengan kelonggaran langkah-langkah pembendungan pandemik global bagi membolehkan pembukaan semula ekonomi, kadarjangkitan mungkin akan menaik. Namun begitu, kerajaan baru-baru ini mengulang pendiriannya bahawa ia tidak akan mengumumkan sebarang PKP mahupun mengisyiharkan keadaan darurat untuk menangani kemunculan semula Omicron dan situasi ini akan diurus dan dikawal dengan mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan. Seawal Januari 2022, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menurunkan ramalan pertumbuhan global kepada 4.4% YoY daripada 4.9% YoY disebabkan oleh prospek yang lemah bagi AS dan China di samping inflasi berterusan semasa. Dari segi domestik, kami memantau rapi kekurangan bekalan tenaga buruh serta isu-isu ESG yang berkisar pada layanan terhadap warga asing yang melibatkan beberapa industri tempatan. Pengumuman terkini oleh kerajaan bahawa Malaysia sedang berusaha untuk membawa masuk lebih ramai pekerja asing ke dalam industri perlادangan tempatan, dan





kerajaan sedang melancarkan siasatan terhadap dakwaan penganiayaan pekerja asing di sebuah syarikat tempatan dilihat sebagai langkah positif ke arah menangani isu-isu mendesak ini.

Pasca pandemik COVID-19, kerajaan Malaysia mengunjurkan pertumbuhan KDNK tahun 2022 yang agak kukuh sebanyak +5.5 hingga 6.5% YoY. Bagi mencapai sasaran pertumbuhan ini, pada November 2021, kerajaan Persekutuan membentangkan Bajet 2020 bertemakan "Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera, yang merupakan bajet terbesar dalam sejarah Malaysia berjumlah RM332.1 bilion. Bajet ini dirancang untuk mengurangkan defisit fiskal negara kepada 6.0% pada tahun 2022 daripada 6.5% tahun sebelumnya. Bagaimanapun, bajet ini juga termasuk pengenaan cukai kemakmuran terhadap syarikat berpendapatan tinggi, cukai pendapatan sumber asing, dan peluasan asas cukai pendapatan. Tambahan lagi, kerajaan melaksanakan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang menggabungkan pelbagai strategi untuk meningkatkan Pendapatan Negara Kasar per kapita kepada US\$14,842 menjelang tahun 2025 daripada US\$10,111 pada tahun 2020. Walaupun adanya usaha-usaha ini, kami menyetujui bahawa risiko-risiko yang dinyatakan di atas mungkin memberi tekanan kepada unjuran pertumbuhan KDNK dan mempercepat tahap ketidaktentuan pasaran. Namun begitu, kami gembira dengan perutusan terbaru oleh Perdana Menteri pada 12 Februari 2022 yang mengulang bahawa kerajaan akan memastikan ramalan pertumbuhan ekonomi antara +5.5 hingga 6.5% bagi tahun 2022 akan dapat dicapai, dan bahawa pertumbuhan ekonomi ini akan dinikmati oleh semua golongan masyarakat menerusi peningkatan sumber pendapatan dan langkah membendung peningkatan kadar inflasi.

Mengenepikan risiko penularan COVID-19 yang lebih besar dan mengambil kira risiko-risiko yang dinyatakan di atas, kami mengambil pandangan optimistik namun berhati-hati terhadap pemulihian ekonomi global dan rancangan kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan pada tahun 2022. Seperti biasa, kami akan terus mengamalkan pendirian pengurusan berhemat namun munasabah terhadap trajektori pertumbuhan jangka panjang pasaran ekuiti, dan akan terus menumpukan wang dana pada pelaburan yang baik secara asasnya. Pasca COVID-19, kami akan mengekalkan kecenderungan kepada sektor-sektor pertumbuhan teguh yang merupakan penerima manfaat utama pembukaan semula ekonomi global. Kami juga akan terus kekal berjaga-jaga terhadap apa jua perubahan dalam persekitaran pasaran yang mungkin memerlukan penjajaran semula hala tuju pelaburan, dan mungkin pada masa tertentu, menerima suatu tahap kecenderungan perdagangan untuk memanfaatkan ketidaktentuan pasaran.

Pada peringkat tempatan, kadar hasil bon dijangka menunjukkan trend peningkatan seiring dengan kadar hasil Perbendaharaan AS memandangkan keimbangan yang menyelubungi kenaikan kadar faedah yang lebih tinggi daripada yang dijangka di AS bagi tahun 2022. Kami terus kekal berjaga-jaga terhadap ketidaktentuan pasaran bon yang timbul daripada faktor luaran dan dalaman yang akan menjelaskan kadar hasil tempatan. Kami akan mengekalkan strategi mengumpulkan bon pada penilaian yang memuaskan dan cenderung kepada bon berkualiti tinggi namun akan hanya melanjutkan tempoh dalam nota mudah tunai pada nilai saksama.

# Dana Ekuiti Allianz Life

Jadual Perbandingan Prestasi	11
Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan	12
Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor	13
Peruntukan Portfolio	13
Prestasi Dana Ekuiti Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya	14
Penyata Aset dan Liabiliti	15
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	16
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	17



*Imbas kod QR untuk membaca versi digital Laporan Tahunan ini yang disediakan di laman web korporat kami.*

# Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	5.958	4.776	4.924	4.787	<b>4.976</b>
Unit dalam Edaran	44,619,230	53,574,150	64,884,012	79,259,207	<b>92,569,170</b>
Jumlah NAV (RM)	264,675,232	254,775,619	318,137,537	377,760,235	<b>458,488,760</b>
NAV Tertinggi (RM/unit)	5.958	6.203	5.143	4.984	<b>5.220</b>
NAV Terendah (RM/unit)	5.003	4.655	4.744	3.420	<b>4.659</b>
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	19.76	(19.84)	3.10	(2.78)	<b>3.95</b>
Penanda Aras: Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 Teratas (%)	12.74	(9.28)	(2.88)	3.49	<b>(4.23)</b>
<b>PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA</b>					
Pertumbuhan Modal (%)	19.45	(20.28)	2.67	(1.05)	<b>3.81</b>
Agihan Pendapatan (%)	0.31	0.44	0.43	(1.73)	<b>0.14</b>

# Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>					
Pelaburan dalam:					
Dana Induk ASEAN Plus	1.27%	1.40%	1.29%	1.34%	<b>1.33%</b>
Dana Induk Ekuiti	87.71%	80.83%	84.74%	88.99%	<b>83.35%</b>
Ekuiti	1.00%	0.67%	0.00%	0.00%	<b>3.71%</b>
Amanah Saham	1.80%	2.00%	1.74%	1.55%	<b>1.43%</b>
Tunai & Deposit	8.22%	15.10%	12.23%	8.12%	<b>10.18%</b>

	Satu-Tahun (Jan 21 - Dis 21)	Tiga-Tahun (Jan 19 - Dis 21)	Lima-Tahun (Jan 17 - Dis 21)
<b>PULANGAN TAHUNAN PURATA</b>			
Pulangan Tahunan Purata Dana			
Pulangan Tahunan Purata Dana	3.95%	1.38%	<b>0.00%</b>
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	(4.23%)	(1.26%)	<b>(0.31%)</b>

## Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan tambah nilai modal bagi tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan membuat pelaburan dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan dengan ekuiti.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

Pada tahun 2022, kami mengambil pendirian optimistik namun berhati-hati terhadap pemulihan ekonomi global dan juga rancangan kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan. Namun begitu, sikap teliti menyebabkan kami menyederhanakan optimisme kerana kewujudan pelbagai angin haluan endogen dan exogen yang termasuk ancaman berpotensi varian Omicron COVID-19 lebih mudah berjangkit, risiko kadar inflasi tinggi, kemungkinan konflik Rusia–Ukraine yang meruncing serta ketidaktentuan politik yang kembali ekoran daripada Pilihanraya Umum ke-15 yang dijadualkan akan diadakan sebelum Julai 2023.

Seperti biasa, kami akan terus mengamalkan pendirian pengurusan berhemat namun munasabah terhadap trajektori pertumbuhan jangka panjang pasaran ekuiti dan akan terus menumpukan wang pada pelaburan yang baik pada asasnya. Pasca COVID-19, kami akan mengelakkan kecenderungan kepada sektor-sektor pertumbuhan kukuh yang merupakan penerima manfaat utama pembukaan semula ekonomi global. Kami juga akan berjaga-jaga terhadap apa juar perubahan dalam persekitaran pasaran yang mungkin memerlukan penjajaran semula hala tuju pelaburan dan mungkin pada masa tertentu menerima suatu tahap kecenderungan perdagangan untuk memanfaatkan ketidaktentuan mana-mana pasaran.

## Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.

## Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.45% dikenakan ke atas dana.


# Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor

	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>					
Produk & Perkhidmatan Pengguna	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>44.21%</b>
Perkhidmatan Kewangan	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>55.79%</b>
Teknologi	0.00%	100.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Perkhidmatan/Perdagangan	100.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>

## Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>				
<b>PELABURAN</b>				
Pelaburan dalam Dana Induk ASEAN Plus	8,942,285	5,496.93	6,080.75	1.33
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	142,429,545	333,259.00	382,138.47	83.35
<b>ASET ASING: EKUITI</b>				
<b>PRODUK &amp; PERKHIDMATAN PENGGUNA</b>				
AZTECH GLOBAL LTD	2,785,200	10,413.26	7,523.02	1.64
<b>PERKHIDMATAN KEWANGAN</b>				
BANK MANDIRI	2,426,000	5,144.70	4,985.88	1.09
KASIKORN BANK PCL	254,000	3,949.64	4,506.75	0.98
<b>ASET ASING: UNIT AMANAH SAHAM</b>				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	15,751,466	5,068.83	6,558.07	1.43
<b>DEPOSIT TETAP/PASARAN KEWANGAN:</b>				
HONG LEONG BANK BERHAD	38,900,000	38,900.00	38,900.00	8.48

# Prestasi Dana Ekuiti Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



# Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2021

	2021 RM'000	2020 RM'000
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>		
<b>ASET</b>		
Pelaburan		
Pelaburan dalam Dana Induk ASEAN Plus	6,081	5,047
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	382,138	336,154
Aset asing	23,574	5,860
Deposit tetap/pasaran kewangan	38,900	30,303
Tunai dan baki bank	7,715	229
Faedah dan dividen belum terima	4	243
Lain-lain belum terima	906	348
Aset cukai tertunda	80	-
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>459,398</b>	378,184
<b>LIABILITI</b>		
Liabiliti cukai tertunda	-	63
Manfaat dan tuntutan liabiliti	380	361
Lain-lain belum bayar	529	-
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>909</b>	424
<b>NILAI ASET BERSIH DANA</b>	<b>458,489</b>	377,760
<b>DIWAKILI OLEH:</b>		
Modal pemegang polisi	408,916	344,120
Perolehan tertahan	49,573	33,640
<b>Nilai Aset Bersih Seunit (RM)</b>	<b>4.976</b>	4.787

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>			
<b>Pada 1 Januari 2020</b>	281,252	36,885	318,137
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	77,283	-	77,283
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(14,415)	-	(14,415)
Kerugian bagi tahun	-	(3,245)	(3,245)
<b>Pada 31 Disember 2020/1 Januari 2021</b>	<b>344,120</b>	<b>33,640</b>	<b>377,760</b>
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	82,311	-	82,311
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(17,515)	-	(17,515)
Keuntungan bagi tahun	-	15,933	15,933
<b>Pada 31 Disember 2021</b>	<b>408,916</b>	<b>49,573</b>	<b>458,489</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

	2021 RM'000	2020 RM'000
<b>DANA EKUITI ALLIANZ LIFE</b>		
<b>PENDAPATAN PELABURAN BERSIH</b>		
Pendapatan faedah	599	951
Pendapatan dividen	213	14
Keuntungan bersih direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	3,348	976
Keuntungan/(Kerugian) tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	17,994	(263)
Kerugian tidak direalisasi ke atas tukaran asing	(22)	(121)
Lain-lain pendapatan	2	28
	<b>22,134</b>	1,585
<b>DITOLAK: PERBELANJAAN</b>		
Yuran pengurusan	(6,051)	(4,471)
<b>KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI</b>	<b>16,083</b>	(2,886)
<b>PERBELANJAAN CUKAI</b>	<b>(150)</b>	(359)
<b>KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) BAGI TAHUN</b>	<b>15,933</b>	(3,245)
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	33,640	36,885
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	49,573	33,640

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# Dana Terurus Allianz Life

Jadual Perbandingan Prestasi	19
Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan	20
Peruntukan Portfolio Terurus Mengikut Sektor	21
Peruntukan Portfolio	21
Prestasi Dana Ekuiti Allianz Life	
Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya	22
Penyata Aset dan Liabiliti	23
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	24
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	25



*Imbas kod QR untuk membaca versi  
digital Laporan Tahunan ini yang  
disediakan di laman web korporat kami.*

# Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	5.445	4.968	5.184	5.217	<b>5.305</b>
Unit dalam Edaran	139,882,296	168,717,724	206,180,784	252,156,554	<b>302,970,112</b>
Jumlah NAV (RM)	759,887,142	836,310,739	1,066,690,298	1,312,318,514	<b>1,603,196,390</b>
NAV Tertinggi (RM/unit)	5.445	5.562	5.242	5.292	<b>5.426</b>
NAV Terendah (RM/unit)	4.877	4.904	4.955	4.397	<b>5.115</b>
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	11.97	(8.76)	4.35	0.64	<b>1.69</b>
Penanda Aras: 50% Indeks FTSE Bursa Malaysia 100 Teratas & 50% Kadar FD 12-bulan Maybank (%)	7.87	(2.99)	0.21	3.36	<b>(1.12)</b>
<b>PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA</b>					
Pertumbuhan Modal (%)	11.76	(9.14)	3.99	0.57	<b>1.59</b>
Agihan Pendapatan (%)	0.21	0.38	0.36	0.07	<b>0.10</b>

# Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>					
<b>Pelaburan dalam:</b>					
Dana Induk Bon	47.48%	50.63%	46.04%	43.37%	<b>43.09%</b>
Dana Induk Ekuiti	43.80%	37.69%	43.50%	49.31%	<b>46.50%</b>
Ekuiti	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>1.41%</b>
Amanah Saham	1.13%	1.10%	0.93%	0.80%	<b>0.74%</b>
Tunai dan Deposit	7.59%	10.58%	9.53%	6.52%	<b>8.26%</b>

	Satu-Tahun (Jan 21 - Dis 21)	Tiga Tahun (Jan 19 - Dis 21)	Lima-Tahun (Jan 17 - Dis 21)
<b>PULANGAN TAHUNAN PURATA</b>			
Pulangan Tahunan Purata Dana			
Pulangan Tahunan Purata Dana	1.69%	2.21%	<b>1.76%</b>
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	(1.12%)	0.79%	<b>1.38%</b>

## Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan tambah nilai modal bagi tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan membuat pelaburan dalam ekuiti pelbagai dan sekuriti berkaitan dengan ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

Pada tahun 2022, kami mengambil pendirian optimistik namun berhati-hati terhadap pemulihan ekonomi global dan juga rancangan kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan. Namun begitu, sikap teliti menyebabkan kami menyederhanakan optimisme kerana kewujudan pelbagai angin haluan endogen dan exogen yang termasuk ancaman berpotensi varian Omicron COVID-19 lebih mudah berjangkit, risiko kadar inflasi tinggi, kemungkinan konflik Rusia–Ukraine yang meruncing serta ketidaktentuan politik yang kembali ekoran daripada Pilihanraya Umum ke-15 yang dijadualkan akan diadakan sebelum Julai 2023. Seperti biasa, kami akan terus mengamalkan pendirian pengurusan berhemat namun munasabah terhadap trajektori pertumbuhan jangka panjang pasaran ekuiti dan akan terus menumpukan wang pada pelaburan yang baik pada asasnya. Pasca COVID-19, kami akan mengekalkan kecenderungan kepada sektor-sektor pertumbuhan kukuh yang merupakan penerima manfaat utama pembukaan semula ekonomi global. Kami juga akan berjaga-jaga terhadap apa juar perubahan dalam persekitaran pasaran yang mungkin memerlukan penjajaran semula hala tuju pelaburan dan mungkin pada masa tertentu menerima suatu tahap kecenderungan perdagangan untuk memanfaatkan ketidaktentuan mana-mana pasaran.

Dana ini, sekiranya sesuai, juga menumpukan wang ke dalam pelaburan pendapatan tetap terpilih. Secara tempatan, kadar hasil bon dijangka menunjukkan trend peningkatan seiringi dengan kadar hasil Perbendaharaan AS (UST) memandangkan kebimbangan menyelubungi kenaikan kadar faedah yang lebih tinggi daripada yang dijangka di AS bagi tahun 2022. Kami tetap berjaga-jaga terhadap ketidaktentuan pasaran bon yang timbul daripada faktor luaran dan dalaman yang akan menjelaskan kadar hasil tempatan. Kami mengekalkan strategi mengumpulkan bon pada penilaian memuaskan yang cenderung kepada bon berkualiti tinggi tetapi akan hanya melanjutkan tempoh dalam nota mudah tunai pada nilai saksama.

## Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.

## Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.25% dikenakan ke atas dana.


# Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor

	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>					
Produk & Perkhidmatan Pengguna	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>34.17%</b>
Perkhidmatan Kewangan	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>65.83%</b>

## Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>				
<b>PELABURAN:</b>				
Pelaburan dalam Dana Induk Bon	387,028,988	569,106.03	690,846.74	43.09
Pelaburan dalam Dana Induk Ekuiti	277,856,779	682,817.57	745,489.74	46.50
<b>ASET ASING: EKUITI</b>				
<b>PRODUK &amp; PERKHIDMATAN PENGGUNA</b>				
AZTECH GLOBAL LTD	2,861,400	10,640.82	7,728.84	0.48
<b>PERKHIDMATAN KEWANGAN</b>				
BANK MANDIRI	4,266,000	9,046.54	8,767.42	0.55
KASIKORN BANK PCL	345,000	5,376.37	6,121.37	0.38
<b>ASET ASING: UNIT AMANAH SAHAM</b>				
RDPT MANDIRI INFRASTRUKTUR EKUITAS	28,343,084	9,120.82	11,800.55	0.74
<b>DEPOSIT TETAP/PASARAN KEWANGAN:</b>				
CIMB BANK BERHAD	25,050,000	25,050.00	25,050.00	1.56
HONG LEONG BANK BERHAD	75,756,336	75,756.34	75,756.34	4.73
RHB BANK BERHAD	15,000,000	15,000.00	15,000.00	0.94
RHB ISLAMIC BANK BHD	10,761,041	10,761.04	10,761.04	0.67

# Prestasi Dana Terurus Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



# Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2021

	2021 RM'000	2020 RM'000
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>		
<b>ASET</b>		
Pelaburan		
Pelaburan Dana Induk Bon	690,847	569,160
Pelaburan Dana Induk Ekuiti	745,490	647,075
Aset Asing	34,418	10,544
Deposit tetap/pasaran kewangan	126,567	84,317
Tunai dan baki bank	4,100	206
Faedah dan dividen belum terima	416	1,267
Lain-lain belum terima	4,748	1,899
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>1,606,586</b>	1,314,468
<b>LIABILITI</b>		
Liabiliti cukai tertunda	19	114
Manfaat dan tuntutan liabiliti	2,508	1,784
Lain-lain belum bayar	862	252
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>3,389</b>	2,150
<b>NILAI ASET BERSIH DANA</b>	<b>1,603,197</b>	1,312,318
<b>DIWAKILI OLEH:</b>		
Modal Pemegang Polisi	1,459,948	1,193,775
Perolehan Tertahan	143,249	118,543
	<b>1,603,197</b>	1,312,318
Nilai Aset Seunit (RM)	5.305	5.217

# Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>			
<b>Pada 1 Januari 2020</b>	964,999	101,691	1,066,690
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	275,358	-	275,358
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(46,582)	-	(46,582)
Keuntungan bagi tahun	-	16,852	16,852
<b>Pada 31 Disember 2020/1 Januari 2021</b>	<b>1,193,775</b>	<b>118,543</b>	<b>1,312,318</b>
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	321,321	-	321,321
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(55,148)	-	(55,148)
Keuntungan bagi tahun	-	24,706	24,706
<b>Pada 31 Disember 2021</b>	<b>1,459,948</b>	<b>143,249</b>	<b>1,603,197</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

	2021 RM'000	2020 RM'000
<b>DANA TERURUS ALLIANZ LIFE</b>		
<b>PENDAPATAN PELABURAN BERSIH</b>		
Pendapatan faedah	2,388	3,354
Pendapatan dividen	126	25
Kerugian bersih direalisasi ke atas pelupusan pelaburan	(66)	(1,976)
Keuntungan tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	40,437	29,680
Kerugian tidak direalisasi ke atas tukaran asing	(58)	(218)
	<b>42,827</b>	30,865
<b>DITOLAK: PERBELANJAAN</b>		
Yuran pengurusan	(18,008)	(13,661)
Lain-lain perbelanjaan	(19)	(15)
<b>KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI</b>	<b>24,800</b>	17,189
<b>PERBELANJAAN CUKAI</b>	<b>(94)</b>	(337)
<b>KEUNTUNGAN BAGI TAHUN</b>	<b>24,706</b>	16,852
Perolehan tertahan dibawa ke hadapan	118,543	101,691
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	143,249	118,543

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life

Jadual Perbandingan Prestasi	27
Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan	28
Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor	29
Portfolio Ekuiti Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life	29
Peruntukan Portfolio	30
Prestasi Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life	
Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya	33
Penyata Aset dan Liabiliti	34
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	35
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	36



*Imbas kod QR untuk membaca versi  
digital Laporan Tahunan ini yang  
disediakan di laman web korporat kami.*

# Jadual Perbandingan Prestasi

	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>					
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM/unit)	2.489	1.988	2.087	1.972	<b>2.081</b>
Unit dalam Edaran	37,769,542	40,436,480	43,832,399	48,477,570	<b>51,709,063</b>
Jumlah NAV (RM)	94,412,776	80,745,936	91,899,617	95,986,548	<b>108,103,456</b>
NAV Tertinggi (RM/unit)	2.489	2.583	2.175	2.114	<b>2.182</b>
NAV Terendah (RM/unit)	2.116	1.932	1.975	1.358	<b>1.918</b>
Jumlah Pulangan Tahunan (%)	18.07	(20.13)	4.98	(5.51)	<b>5.53</b>
Penanda Aras: Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas (%)	12.87	(10.93)	(1.77)	3.87	<b>(3.85)</b>
<b>PECAHAN PULANGAN TAHUNAN DANA</b>					
Pertumbuhan Modal (%)	15.34	(22.92)	2.30	(10.09)	<b>3.32</b>
Agihan Pendapatan (%)	2.73	2.79	2.68	4.58	<b>2.21</b>

# Peruntukan Portfolio Mengikut Kategori Pelaburan

	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>					
Ekuiti	85.95%	80.79%	90.88%	85.94%	<b>91.61%</b>
Amanah Saham	1.88%	2.36%	2.25%	2.28%	<b>2.26%</b>
Tunai dan Deposit	12.17%	16.85%	6.87%	11.78%	<b>6.13%</b>

	Satu-Tahun (Jan 21 - Dis 21)	Tiga-Tahun (Jan 19 - Dis 21)	Lima-Tahun (Jan 17 - Dis 21)
<b>PULANGAN TAHUNAN PURATA</b>			
Pulangan Tahunan Purata Dana	5.53%	1.54%	(0.26%)
Pulangan Tahunan Purata Penanda Aras	(3.85%)	(0.64%)	(0.28%)

## Objektif dan Strategi Pelaburan

Dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk mencapai tambah nilai modal lebih baik bagi tempoh jangka sederhana hingga panjang dengan membuat pelaburan dalam pelbagai portfolio saham dengan penumpuan terhadap syarikat-syarikat bersaiz kecil dan sederhana.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, sekatan dan batasan pelaburan sepanjang tahun kewangan.

Pada tahun 2022, kami mengambil pendirian optimistik namun berhati-hati terhadap pemulihhan ekonomi global dan juga rancangan kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan. Namun begitu, sikap teliti menyebabkan kami menyederhanakan optimisme kerana kewujudan pelbagai angin haluan endogen dan exogen yang termasuk ancaman berpotensi varian Omicron COVID-19 lebih mudah berjangkit, risiko kadar inflasi tinggi, kemungkinan konflik Rusia-Ukraine yang meruncing serta ketidaktentuan politik yang kembali ekoran daripada Pilihanraya Umum ke-15 yang dijadualkan akan diadakan sebelum Julai 2023. Seperti biasa, kami akan terus mengamalkan pendirian pengurusan berhemat namun munasabah terhadap trajektori pertumbuhan jangka panjang pasaran ekuiti dan akan terus menumpukan wang pada pelaburan yang baik pada asasnya. Pasca COVID-19, kami akan mengekalkan kecenderungan kepada sektor-sektor pertumbuhan kukuh yang merupakan penerima manfaat utama pembukaan semula ekonomi global. Kami juga akan berjaga-jaga terhadap apa juar perubahan dalam persekitaran pasaran yang mungkin memerlukan penjajaran semula hala tuju pelaburan dan mungkin pada masa tertentu menerima suatu tahap kecenderungan perdagangan untuk memanfaatkan ketidaktentuan mana-mana pasaran.

## Agihan Pendapatan

Tiada sebarang pengagihan dibuat atau dicadangkan sepanjang tahun kewangan.


## Caj Pengurusan Dana

Caj pengurusan dana sebanyak 1.47% dikenakan ke atas dana.

# Peruntukan Portfolio Ekuiti Mengikut Sektor

	TK2017	TK2018	TK2019	TK2020	TK2021
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>					
Pembinaan	10.13%	2.95%	4.10%	3.80%	<b>6.31%</b>
Produk & Perkhidmatan Pengguna	1.78%	0.00%	12.89%	10.70%	<b>11.11%</b>
Tenaga	0.00%	0.00%	14.40%	6.12%	<b>10.91%</b>
Perkhidmatan Kewangan	22.16%	28.64%	21.70%	29.92%	<b>20.59%</b>
Penjagaan Kesihatan	0.00%	0.00%	0.00%	13.04%	<b>2.01%</b>
Produk & Perkhidmatan Perindustrian	11.09%	14.11%	14.97%	5.16%	<b>12.86%</b>
Syarikat Projek Prasarana	1.63%	0.00%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Perlادangan	2.01%	2.13%	4.22%	8.61%	<b>16.20%</b>
Hartanah	10.40%	4.87%	4.53%	3.46%	<b>3.81%</b>
Amanah Pelaburan Hartanah (Reits)	0.00%	0.00%	0.00%	0.98%	<b>0.00%</b>
Teknologi	0.00%	1.73%	4.43%	6.11%	<b>8.34%</b>
Telekomunikasi & Media	0.00%	0.00%	6.84%	4.23%	<b>4.78%</b>
Perdagangan/Perkhidmatan	40.80%	45.57%	0.00%	0.00%	<b>0.00%</b>
Pengangkutan & Logistik	0.00%	0.00%	1.76%	1.39%	<b>2.33%</b>
Utiliti	0.00%	0.00%	10.16%	6.48%	<b>0.75%</b>

## Portfolio Ekuiti Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life



# Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE</b>				
<b>SEKURITI EKUITI KORPORAT</b>				
<b>PEMBINAAN</b>				
ECONPILE HOLDINGS BERHAD	1,829,800	927.09	594.69	0.55
GABUNGAN AQRS BERHAD	1,425,106	1,895.65	634.17	0.59
GAMUDA BERHAD	854,500	2,829.23	2,478.05	2.29
IJM CORPORATION BERHAD	543,600	981.17	826.27	0.76
KERJAYA PROSPEK GROUP BERHAD	795,200	1,080.13	962.19	0.89
TUJU SETIA BERHAD	1,474,000	1,005.01	729.63	0.67
<b>PRODUK &amp; PERKHIDMATAN PENGGUNA</b>				
BRITISH AMERICAN TOBACCO (MALAYSIA) BERHAD	17,800	268.04	248.84	0.23
GENTING BERHAD	626,500	3,115.50	2,925.76	2.71
GENTING MALAYSIA BERHAD	1,385,500	3,674.34	3,990.24	3.69
SIME DARBY BERHAD	846,000	1,913.23	1,962.72	1.82
<b>TENAGA</b>				
DAYANG ENTERPRISE HOLDINGS	40,700	32.66	32.76	0.03
DIALOG GROUP BERHAD	1,071,600	3,185.26	2,807.59	2.60
T7 GLOBAL BHD	6,000,000	1,982.89	2,100.00	1.94
YINSON HOLDINGS BERHAD	976,900	5,234.04	5,861.40	5.42
<b>PERKHIDMATAN KEWANGAN</b>				
AMMB HOLDINGS BERHAD	1,168,500	3,562.70	3,704.15	3.43
BIMB HOLDINGS BERHAD	357,400	1,029.71	1,072.20	0.99
CIMB GROUP HOLDING BERHAD	536,769	2,434.53	2,925.39	2.71
HONG LEONG BANK BERHAD	122,000	2,087.62	2,271.64	2.10
HONG LEONG FINANCIAL GROUP BHD	130,470	1,997.08	2,262.35	2.09
RHB BANK BHD	1,102,608	5,763.61	5,921.00	5.48


# Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE (SAMBUNGAN)</b>				
<b>SEKURITI EKUITI KORPORAT (SAMBUNGAN)</b>				
<b>PENJAGAAN KESIHATAN</b>				
HARTALEGA HOLDINGS	168,000	1,093.16	962.64	0.89
TOP GLOVE CORPORATION BERHAD	398,000	1,296.08	1,030.82	0.95
<b>PRODUK &amp; PERKHIDMATAN PERINDUSTRIAN</b>				
IPMUDA BERHAD	1,847,000	2,846.24	3,306.13	3.06
MALAYAN CEMENT BHD	444,300	1,242.88	1,132.97	1.05
PRESS METAL ALUMINIUM HOLDINGS	176,800	804.44	1,021.90	0.95
SCICOM (MSC) BERHAD	1,328,600	1,477.12	1,514.60	1.40
SKP RESOURCES BERHAD	1,906,750	3,426.59	3,317.75	3.07
SUNWAY BHD	928,200	1,602.27	1,596.50	1.48
V S INDUSTRY BERHAD	612,000	736.84	838.44	0.78
<b>PERLADANGAN</b>				
GENTING PLANTATIONS BERHAD	385,800	3,379.69	2,584.86	2.39
KUALA LUMPUR KEONG (MALAYSIAN) BERHAD	194,700	4,532.14	4,240.57	3.92
SIME DARBY PLANTATION BERHAD	1,437,966	5,764.77	5,406.75	5.00
TA ANN HOLDINGS BERHAD	1,085,800	3,241.62	3,811.16	3.53
<b>HARTANAH</b>				
LBS BINA GROUP BERHAD	2,384,872	1,639.85	1,228.21	1.14
LBS BINA GROUP BERHAD - SYER KEUTAMAAN	181,000	199.10	159.28	0.15
SIME DARBY PROPERTY BERHAD	2,503,403	2,040.40	1,489.52	1.38
UEM SUNRISE BERHAD	2,789,000	1,184.12	892.48	0.83
<b>TEKNOLOGI</b>				
DAGANG NEXCHANGE BERHAD	2,833,000	2,176.26	2,153.08	1.99
GHL SYSTEMS BERHAD	728,900	1,320.77	1,268.29	1.17
INARI AMERTRON BERHAD	504,600	1,566.01	2,018.40	1.87
MY EG SERVICES BERHAD	2,540,638	2,278.41	2,718.48	2.51

# Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
<b>DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ALLIANZ LIFE (SAMBUNGAN)</b>				
<b>SEKURITI EKUITI KORPORAT (SAMBUNGAN)</b>				
<b>TELEKOMUNIKASI &amp; MEDIA</b>				
ASTRO MALAYSIA HOLDINGS	66,200	76.98	62.89	0.06
OCK GROUP BERHAD	4,385,900	2,031.73	2,017.51	1.87
TELEKOM MALAYSIA BERHAD	481,600	2,746.17	2,648.80	2.45
<b>PENGANGKUTAN &amp; LOGISTIK</b>				
MISC BERHAD	327,800	2,257.18	2,310.99	2.14
<b>UTILITI</b>				
YTL CORPORATION BERHAD	1,275,700	958.41	739.91	0.68
<b>WARAN</b>				
ECO WORLD INTL BERHAD	254,680	-	1.27	-
ECONPILE HOLDINGS BHD	175,000	-	4.38	-
FRONTKEN CORP BHD-WA	176,700	-	102.49	0.09
GABUNGAN AQRS BERHAD	179,350	-	17.04	0.02
SKP RESOURCES-WA	21,720	-	3.80	-
<b>ASET ASING: EKUITI</b>				
Caj pengurusan dana sebanyak 1.25% dikenakan ke atas dana.

# Peruntukan Portfolio

	Jumlah Unit Dipegang	Kos RM'000	Nilai Pasaran RM'000	Peratusan Nilai Aset Bersih %
<b>DANA PENDAPATAN GLOBAL ALLIANZ LIFE</b>				
<b>PELABURAN:</b>				
Pelaburan dalam Allianz Global Income (USD)	561,690	24,936.61	25,015.77	97.46
<b>DEPOSIT TETAP/PASARAN WANG:</b>				
CIMB BANK BERHAD	500,047	500.05	500.05	1.95

# Prestasi Dana Pendapatan Global Allianz Life Berbanding Dengan Penanda Aras Sejak Pelancarannya



# Penyata Aset dan Liabiliti

pada 31 Disember 2021

	2021 RM'000
<b>DANA PENDAPATAN GLOBAL ALLIANZ LIFE</b>	
<b>ASET</b>	
Pelaburan	
Aset Asing	<b>25,016</b>
Deposit tetap/pasaran wang	500
Tunai dan baki bank	57
Lain-lain belum terima	308
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>25,881</b>
<b>LIABILITI</b>	
Liabiliti cukai tertunda	6
Manfaat dan tuntutan liabiliti	207
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>213</b>
<b>NILAI ASET BERSIH DANA</b>	<b>25,668</b>
<b>DIWAKILI OLEH:</b>	
Modal pemegang polisi	<b>25,493</b>
Perolehan tertahan	175
	<b>25,668</b>
Nilai Aset Bersih Seunit (RM)	<b>1.014</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

	Modal Pemegang Polisi RM'000	Perolehan Tertahan RM'000	Jumlah RM'000
<b>DANA PENDAPATAN GLOBAL ALLIANZ LIFE</b>			
<b>Pada 1 Januari 2021</b>	-	-	-
Penciptaan unit sepanjang tahun semasa	26,033	-	26,033
Pembatalan unit sepanjang tahun semasa	(540)	-	(540)
Keuntungan bagi tahun	-	175	175
<b>Pada 31 Disember 2021</b>	<b>25,493</b>	<b>175</b>	<b>25,668</b>

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

	2021 RM'000
<b>DANA PENDAPATAN GLOBAL ALLIANZ LIFE</b>	
<b>PENDAPATAN PELABURAN BERSIH</b>	
Pendapatan faedah	3
Pendapatan dividen	283
Kerugian tidak direalisasi dalam nilai pelaburan	(1)
Perolehan pertukaran asing tidak direalisasi disebabkan oleh pelaburan	80
Pendapatan lain	1
	<b>366</b>
<b>DITOLAK: PERBELANJAAN</b>	
Yuran pengurusan	(58)
Lain-Kerugian pertukaran asing	(46)
Kerugian tempoh bertenang (Loss-freelook)	(61)
<b>KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI</b>	<b>201</b>
<b>PERBELANJAAN CUKAI</b>	<b>(26)</b>
<b>KEUNTUNGAN BAGI TAHUN</b>	<b>175</b>
Perolehan tertahan dihantar ke hadapan	175

Nota-nota yang dilampirkan merupakan sebahagian penting daripada penyata-penyeata kewangan ini.

# Lampiran



Nota-nota kepada Penyata Kewangan	191
Kenyataan oleh Pengurus	199
Laporan Juruaudit Bebas	200
Rangkaian Pejabat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad	203



*Imbas kod QR untuk membaca versi  
digital Laporan Tahunan ini yang  
disediakan di laman web korporat kami.*

# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

## 1. Aktiviti Utama dan Maklumat Umum

Aktiviti utama Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Terurus Allianz Life, Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life, Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life, Dana Global High Payout Allianz Life, Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life, Dana Induk Bon Allianz Life, Dana Induk Ekuiti Allianz Life, Dana Induk Dividen Allianz Life, Dana Bon Allianz Life, Dana Padu Allianz Life, Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life, Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life, Dana ASEAN Plus Allianz Life dan Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life, Dana Ekuiti All China Allianz Life, Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life, Dana Pendapatan Oriental Allianz Life, Dana Ekuiti Asia Total Return Allianz Life, and Dana Pendapatan Global Allianz Life (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana") adalah untuk melabur dalam pelaburan dibenarkan.

Dana Ekuiti Allianz Life ("Dana Ekuiti") yang bermula pada 18 Julai 2000, merupakan dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti.

Dana Terurus Allianz Life ("Dana Terurus") yang bermula pada 18 Julai 2000, merupakan dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberi tambah nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti pelbagai dan sekuriti berkaitan ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Dana Pertumbuhan Dinamik Allianz Life ("Dana Pertumbuhan Dinamik") yang bermula pada 8 Disember 2003, adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan mencapai pertumbuhan modal yang unggul dalam jangka sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam pelbagai portfolio saham dengan penumpuan terhadap syarikat-syarikat bersaiz kecil hingga sederhana.

Dana Pendapatan Ekuiti Allianz Life ("Dana Pendapatan Ekuiti") yang bermula pada 18 Februari 2005 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka sederhana hingga panjang menerusi pelaburan dalam pelbagai ekuiti dan sekuriti berkaitan ekuiti dengan penumpuan terhadap ekuiti yang berpotensi menghasilkan pulangan dividen tinggi, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Dana Global High Payout Allianz Life ("Dana Global High Payout") yang bermula pada 27 Mac 2006, adalah pelan berkaitan pelaburan premium tunggal yang melabur dalam dana berdenominasi USD, iaitu Dana Global High Payout Allianz. Dana ini bertujuan untuk memberi pulangan keseluruhan daripada pendapatan dividen, premium opsyen dan tambah nilai modal. Ia dilaburkan dalam portfolio sekuriti ekuiti pelbagai global yang memberikan pulangan dividen menarik dan mampan; dan menjual opsyen panggilan untuk menjana premium opsyen yang meningkatkan dividen dan mengurangkan risiko portfolio keseluruhannya.

Dana Asia Multi-IncomePLUS Allianz Life ("Dana Asia Multi-IncomePLUS") yang bermula pada 4 Jun 2007 adalah pelan berkaitan pelaburan premium tunggal yang melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Dana Asian Multi Income Plus Allianz. Dana ini bertujuan untuk memberikan tambah nilai modal dan pendapatan jangka panjang dengan melabur terutamanya dalam ekuiti, amanah dan sekuriti berfaedah dengan memfokus kepada Rantau Asia Pasifik.

Dana Bon Allianz Life ("Dana Bon") yang bermula pada 8 Ogos 2008 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan aliran pendapatan stabil dan tambah nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam sekuriti pendapatan tetap.

Dana Padu Allianz Life ("Dana Padu") yang bermula pada 8 Jun 2009 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti lulus Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti.

Dana Amanah Dana Ikhlas Allianz Life ("Dana Ikhlas") yang bermula pada 26 November 2012 bertujuan untuk mencari campuran aliran pendapatan tetap dan pertumbuhan modal yang mungkin sepanjang jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti tersenarai, instrumen hutang Islam dan aset lain yang dibenarkan oleh Prinsip Syariah.

Dana ASEAN Plus Allianz Life ("Dana ASEAN Plus") yang bermula pada 11 Oktober 2013 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberi tambah nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam ekuiti ASEAN dan sekuriti berkaitan ekuiti.

## 1. Aktiviti Utama dan Maklumat Umum (sambungan)

Dana Ekuiti All China Allianz Life ("Dana Ekuiti All China") yang bermula pada 8 Jun 2021, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Dana Ekuiti All China Allianz dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan membuat pelaburan dalam pasaran ekuiti pesisir dan luar pesisir Republik Rakyat China ("PRC"), Hong Kong dan Macau.

Dana Global Kepintaran Buatan Allianz Life ("Dana Global Kepintaran Buatan") yang bermula pada 8 Jun 2021, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Dana Global Kepintaran Buatan Allianz dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan membuat pelaburan dalam pasaran ekuiti global dengan memfokus kepada evolusi kecerdasan buatan.

Dana Pendapatan Oriental Allianz Life ("Dana Pendapatan Oriental") yang bermula pada 8 Jun 2021, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Dana Pendapatan Oriental Allianz dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal jangka panjang dengan membuat pelaburan dalam pasaran ekuiti dan bon Asia Pasifik.

Dana Ekuiti Asia Total Return Allianz Life ("Dana Ekuiti Asia Total Return") yang bermula pada 22 September 2021, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Dana Ekuiti Asia Total Return dan bertujuan untuk memberikan pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang dengan membuat pelaburan dalam pasaran ekuiti Republik Korea, Taiwan, Thailand, Hong Kong, Malaysia, Indonesia Filipina, Singapura dan/atau Republik Rakyat China (the "PRC").

Dana Ekuiti Asia Total Return Allianz Life ("Dana Pendapatan Global") yang bermula pada 22 September 2021, melabur dalam dana sandaran berdenominasi USD, iaitu Dana Pendapatan Global Allianz dan bertujuan untuk memperoleh pendapatan dan pertumbuhan modal jangka panjang dengan membuat pelaburan dalam pelbagai kelas aset terutamanya pasaran ekuiti dan bon global.

### Dana Induk

Dana Induk Bon Allianz Life, Dana Induk Ekuiti Allianz Life, Dana Induk Dividen Allianz Life, Dana Induk Dana Ekuiti Allianz Life dan Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana Induk") diwujudkan untuk beroperasi sebagai instrumen pelaburan berpusat untuk Dana. Ia mempunyai nilai aset bersih ("NAV") tetapi tidak ditawarkan kepada orang awam. Objektif mewujudkan Dana Induk adalah untuk menggabungkan kesemua dana pelaburan berbeza yang mempunyai mandat pelaburan dan objektif pulangan yang sama. Penggabungan tersebut bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pelaburan.

Dana Induk Bon Allianz Life ("MBF") yang bermula pada 2 Jun 2008 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan aliran pendapatan stabil dan tambah nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam sekuriti pendapatan tetap Malaysia.

Pelaburan bon dalam Dana Terurus ("MF"), Dana Pendapatan Ekuiti ("EIF") dan Dana Bon ("BF") digabungkan dalam MBF. MF, EIF dan BF memindahkan NAV pelaburan bon kepada MBF pada NAV RM1.00 seunit pada tarikh permulaan dana MBF. MF, EIF dan BF tidak terlibat dalam pelaburan bon terus selepas pemindahan bon kepada MBF tetapi sebaliknya memegang unit dalam MBF. Mana-mana pelaburan baharu dalam atau menebus daripada MBF melalui MF, EIF dan BF selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MDF yang berlaku pada masa transaksi.

Dana Induk Ekuiti Allianz Life ("MEF") yang bermula pada 13 Jun 2008 adalah dana pelaburan terbuka yang memberikan tambah nilai modal jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkait ekuiti. Pelaburan ekuiti dalam Dana Ekuiti ("EF"), MF dan Dana ASEAN Plus ("AF") digabungkan dalam MEF. EF dan MF memindah NAV pelaburan ekuiti masing-masing ke MEF pada NAV RM1.00 seunit pada tarikh pelancaran dana MEF. MF dan EF tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti terus selepas pemindahan ekuiti kepada MEF tetapi sebaliknya memegang unit dalam MEF. AF tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti terus tetapi sebaliknya memegang unit dalam MEF. Mana-mana pelaburan baharu dalam atau penebusan daripada MEF melalui MF, EF dan AF selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MEF yang berlaku pada masa transaksi.

---

## 1. Aktiviti Utama dan Maklumat Umum (sambungan)

### Dana induk (sambungan)

Dana Induk Dividen Allianz Life ("MDF") yang bermula pada 13 Jun 2008 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk memberikan aliran pendapatan tetap dan tambah nilai modal dengan melabur dalam ekuiti dan sekuriti berkait ekuiti cenderung ke arah ekuiti yang berpotensi menghasilkan dividen. Pelaburan ekuiti dalam EIF digabungkan dalam MDF. EIF memindahkan NAV pelaburan ekuiti pada NAV RM1.00 seunit pada tarikh pelancaran dana MDF. EIF tidak melibatkan pelaburan ekuiti terus selepas pemindahan ekuiti kepada MDF tetapi sebaliknya memegang unit dalam MDF. Mana-mana pelaburan dalam atau penebusan daripada MDF oleh EIF selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MDF yang berlaku pada masa transaksi.

Dana Induk Ekuiti Allianz Life ("MDE") yang bermula pada 8 Jun 2009 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur dalam ekuiti berlandaskan Syariah dan sekuriti berkait ekuiti. Pelaburan ekuiti dalam Dana Padu ("DP") digabung dalam MDE. NAV MDE pada pelancaran dana adalah RM1.00 seunit. DP tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti terus tetapi sebaliknya memegang unit dalam MDE. Mana-mana pelaburan baharu dalam atau penebusan daripada MDE oleh DP selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MDE yang berlaku pada masa transaksi.

Dana Induk ASEAN Plus Allianz Life ("MAF") yang bermula pada 11 Oktober 2013 adalah dana pelaburan terbuka yang bertujuan untuk meningkatkan nilai modal dalam jangka sederhana hingga panjang dengan melabur terutamanya dalam ekuiti ASEAN dan sekuriti berkaitan dengan ekuiti. Pelaburan ekuiti dalam EF dan AF digabung dalam MAF. NAV MAF pada pelancaran dana ialah RM0.50 seunit. EF dan AF tidak terlibat dalam pelaburan ekuiti terus tetapi sebaliknya memegang unit dalam MAF. Mana-mana pelaburan baharu dalam atau penebusan daripada MAF oleh EF dan AF selepas tarikh pelancaran dana bergantung kepada NAV MAF yang berlaku pada masa transaksi.

### Pengurus

Pengurus Dana ialah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Pengurus"), syarikat diperbadankan di Malaysia, terutamanya terlibat dalam pengunderitan perniagaan insurans hayat dan perniagaan berkaitan dengan pelaburan.

## 2. Asas persediaan

Maklumat kewangan Dana telah disediakan mengikut Dana yang disediakan selaras dengan dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan dengan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dalam semua aspek material.

Maklumat kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kecuali seperti yang didedahkan dalam dasar perakaunan signifikan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan.

## 3. Dasar perakaunan signifikan

Dasar perakaunan dinyatakan di bawah diguna pakai dengan konsisten bagi tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan dan digunakan dengan konsisten oleh Dana-dana kecuali dinyatakan sebaliknya.

### (a) Mata wang asing

#### (i) Mata wang fungsian dan pembentangan

Maklumat kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), iaitu mata wang fungsian untuk "Dana". Semua maklumat kewangan dibentangkan dalam RM dan dibundarkan kepada ribu terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

**3. Dasar perakaunan signifikan (sambungan)**

**(a) Mata wang asing (sambungan)**

**(ii) Transaksi mata wang asing**

Persediaan maklumat kewangan memerlukan Pengurus untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada aplikasi dasar perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, perbelanjaan dan pendapatan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak semula secara berterusan. Semakan semula bagi anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak semula dan dalam mana-mana tempoh masa depan yang terjejas.

Tiada sebarang bidang signifikan mengenai ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritis dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan signifikan terhadap amaun yang diiktiraf dalam maklumat kewangan selain daripada apa yang dinyatakan dalam Nota 3(b) – Instrumen kewangan.

Transaksi dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian Dana-dana pada kadar pertukaran semasa tarikh transaksi. Aset dan liabiliti bukan kewangan yang didenominasikan dalam mata wang asing tidak diterjemahkan semula pada tarikh akhir pelaporan, kecuali yang diukur pada nilai saksama akan diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama itu ditentukan. Perbezaan mata wang asing yang timbul atas terjemahan semula diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

**(b) Instrumen Kewangan**

**(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal**

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata aset dan liabiliti apabila, dan hanya apabila, Dana-dana menjadi sebahagian daripada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada nilai saksama ditambah, dalam kes instrumen kewangan bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung kepada pemerolehan atau terbitan instrumen kewangan.

Derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan daripada kontrak induk dan dikira sebagai derivatif sekiranya, dan hanya sekiranya, ianya tidak berkait rapat dengan ciri-ciri ekonomi dan risiko-risiko bagi kontrak induk dan kontrak induk tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Kontrak induk, dalam derivatif terbenam diiktiraf secara berasingan, akan dikira selaras dengan dasar yang digunakan berdasarkan sifat kontrak induk.

---

### 3. Dasar perakaunan signifikan (sambungan)

#### (b) Instrumen kewangan (sambungan)

##### (ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Dana mengkategorikan dan mengukur instrumen kewangan seperti berikut:

###### **Aset kewangan**

###### **(a) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian**

Nilai saksama melalui kategori keuntungan atau kerugian merangkumi aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan, termasuk derivatif (kecuali derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan berkesan) atau aset-aset kewangan yang ditentukan khas kepada kategori ini semasa pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkaitan dan mesti diselesaikan melalui penyerahan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti akan diukur pada nilai kos.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian diukur seterusnya pada nilai saksama masing-masing dengan mengiktiraf keuntungan atau kerugian dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

###### **(b) Pinjaman dan belum terima**

Kategori pinjaman dan belum terima merangkumi instrumen hutang yang tidak disebut harga di pasaran aktif dan termasuk belum terima lain, deposit, tunai dan baki bank.

Aset-aset kewangan yang dikategorikan sebagai pinjaman dan belum terima seterusnya diukur pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Kesemua aset kewangan, kecuali yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, adalah tertakluk kepada semak semula bagi penjejasan nilai (lihat nota 3(e)).

###### **Liabiliti kewangan**

Kesemua liabiliti kewangan seterusnya diukur pada kos terlunas selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Kategori nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian merangkumi liabiliti kewangan iaitu derivatif (kecuali bagi derivatif yang merupakan kontrak jaminan kewangan atau instrumen lindung nilai yang ditetapkan dan berkesan) atau liabiliti kewangan yang ditetapkan secara khusus dalam kategori ini selepas pengiktirafan awal.

Derivatif-derivatif yang berkaitan dan mesti diselesaikan menerusi penyerahan instrumen ekuiti yang tidak disebut harga dan tidak mempunyai harga disebut harga dalam pasaran aktif bagi instrumen seumpamanya yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan tepat, akan diukur berdasarkan kos.

Liabiliti-liabiliti kewangan lain yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, seterusnya akan diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

**3. Dasar perakaunan signifikan (sambungan)**

**(b) Instrumen kewangan (sambungan)**

**(iii) Pembelian atau penjualan lazim aset kewangan**

Pembelian atau penjualan lazim ialah pembelian atau penjualan aset kewangan menerusi kontrak yang mensyaratkan penyerahan aset dalam jangka yang ditetapkan, secara amnya oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran berkaitan.

Pembelian atau penjualan lazim aset-aset kewangan diiktiraf dan dinyahiktiraf, yang mana terpakai, menggunakan tarikh perakaunan dagangan. Tarikh perakaunan dagangan merujuk kepada:

- (a) pengiktirafan aset belum terima dan liabiliti bagi pembayarannya pada tarikh dagangan, dan
- (b) penyahiktirafan aset yang dijual, pengiktirafan mana-mana keuntungan atau kerugian atas pelupusan dan pengiktirafan belum terima daripada pembeli untuk bayaran pada tarikh dagangan.

**(iv) Penyahiktirafan**

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau kawalan terhadap aset tersebut tidak dikenakan atau sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan tersebut dipindahkan kepada pihak lain. Selepas aset kewangan dinyahiktirafkan, perbezaan antara amaun dibawa dan jumlah pertimbangan diterima (termasuk mana-mana aset baru diperoleh ditolak dengan mana-mana liabiliti baru ditanggung) diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Abiliti kewangan atau sebahagian daripadanya dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila kewajipan yang disyaratkan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Selepas liabiliti kewangan dinyahiktirafkan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan yang telah dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti ditanggung, diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

**(c) Nilai saksama instrumen kewangan**

Nilai saksama dana-dana sekuriti ekuiti disebut harga dan amanah pelaburan harta tanah adalah berdasarkan harga pasaran aktif semasa. Sekiranya pasaran aset kewangan tidak aktif, Dana menetapkan nilai saksama dengan menggunakan teknik penilaian. Ia termasuk penggunaan transaksi saksama terkini, rujukan kepada instrumen lain yang ketara sama, analisis aliran tunai didiskaunkan dan model harga opsyen.

Nilai saksama sekuriti kerajaan Malaysia, skim pelaburan kolektif, bond korporat tidak disebut harga dan deposit panggilan dan tetap adalah berdasarkan harga indikatif pasaran saksama/indeks dengan membuat rujukan kepada sebut harga yang disediakan oleh institusi kewangan atau broker.

Pelaburan berstruktur ialah pelaburan yang sebahagian daripada dana dalam instrumen pendapatan tetap diterbit oleh institusi kewangan manakala baki dana dilaburkan dalam instrumen yang berkaitan dengan prestasi atau satu atau lebih harga, kadar, indeks, sekuriti dan instrumen kewangan lain. Pelaburan berstruktur dibuat pada nilai saksama, ditentukan dengan merujuk kepada sebut harga yang disediakan oleh institusi kewangan.

### **3. Dasar perakaunan signifikan (sambungan)**

#### **(d) Tunai dan kesetaraan tunai dan penempatan dengan institusi kewangan**

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi tunai pada baki bank, deposit dipegang daripada panggilan dengan institusi kewangan dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan yang tidak ketara dalam nilai saksama dengan tempoh matang selama tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Dana dalam pengurusan komitmen jangka pendek.

Tunai dan kesetaraan tunai dikategorikan dan diukur sebagai pinjaman dan belum terima selaras dengan nota 3(b)(ii)(b).

#### **(e) Penjejasan nilai aset-aset kewangan**

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian) dinilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif mengenai penjejasan nilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai aset pada masa hadapan. Kerugian yang dijangka berlaku akibat kejadian pada masa hadapan, tidak diiktiraf walaupun wujud kemungkinan ianya akan berlaku. Bagi instrumen ekuiti, penurunan signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kosnya adalah bukti objektif penjejasan nilai. Jika terdapat bukti objektif tersebut, maka kerugian penjejasan aset kewangan tersebut akan dianggarkan.

Kerugian penjejasan dari segi pinjaman dan belum terima diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan dan diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa aset dan nilai anggaran semasa aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

#### **(f) Penciptaan unit-unit**

Penciptaan unit-unit mewakili pembayaran premium oleh pemegang unit sebagai bayaran untuk kontrak baharu atau bayaran- bayaran seterusnya untuk meningkatkan amaun kontrak tersebut. Penciptaan unit diiktiraf berdasarkan penerimaan.

#### **(g) Pembatalan unit-unit**

Pembatalan unit-unit mewakili pembatalan unit-unit susulan daripada penyerahan dan pengeluaran.

#### **(h) Pendapatan faedah**

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar akruan menggunakan kaedah efektif dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

#### **(i) Pendapatan dividen**

Pendapatan dividen diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan pada tarikh hak Dana untuk menerima bayaran ditentukan, dalam hal ini, sekuriti disebut harga ialah tarikh tanpa dividen.

#### **(j) Cukai pendapatan**

Perbelanjaan cukai pendapatan merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Perbelanjaan cukai pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

Cukai semasa ialah cukai yang dijangka perlu dibayar atau diterima atas pendapatan boleh cukai atau kerugian bagi sesuatu tahun, menggunakan kadar percukaian yang telah digubal atau digubal dengan sah pada tempoh akhir pelaporan, dan mana-mana pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

**3. Dasar perakaunan signifikan (sambungan)**

**(j) Cukai pendapatan(sambungan)**

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, mengambil kira perbezaan sementara di antara amaun dibawa aset dan liabiliti dalam penyata aset dan liabiliti, dengan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf bagi pengiktirafan awal aset atau liabiliti di dalam sesuatu transaksi yang bukan merupakan gabungan perniagaan dan tidak memberi kesan kepada perakaunan mahupun keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan digunakan terhadap perbezaan sementara apabila ia berbalik, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau digubal dengan sah pada tempoh akhir pelaporan.

Amaun cukai tertunda diiktiraf diukur berdasarkan kaedah jangkaan realisasi atau penyelesaian amaun dibawa aset dan liabiliti, menggunakan kadar cukai digubal atau digubal dengan sah pada tarikh pelaporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak didiskaun.

Aset dad liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan dari segi undang-undang untuk mengimbangi aset dan liabiliti cukai semasa, dan ianya berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama terhadap entiti boleh cukai yang seumpama, atau ke atas entiti cukai berlainan, tetapi mereka berhasrat untuk menyelesaikan cukai semasa aset dan liabiliti atas asas bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasi serentak.

Aset cukai tertunda boleh diiktiraf apabila terdapat kebarangkalian bahawa keuntungan boleh cukai masa depan akan diperoleh berbanding dengan perbezaan sementara yang boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tempoh akhir pelaporan dan dikurangkan sehingga tiada lagi kemungkinan manfaat cukai berkaitan akan direalisasikan.

**(k) Yuran pengurusan pelaburan**

Yuran pengurusan pelaburan dikira selaras dengan peruntukan dokumen dasar.

# Kenyataan oleh Pengurus

Kami, Goh Ching Yin dan Peter Ho Kok Wai, selaku dua Pengarah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus Dana-dana, maklumat kewangan mengenai Dana-dana yang mengandungi penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2021, penyata perubahan nilai dalam aset bersih, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun berakhir, dan nota-nota kepada penyata kewangan sebagaimana dibentangkan di bahagian berkenaan dalam laporan ini disediakan selaras dengan dasar perakaunan ditetapkan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan bagi Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Pengurus Dana-dana,

.....  
**Goh Ching Yin**  
**Pengarah**

.....  
**Peter Ho Kok Wai**  
**Pengarah**

Kuala Lumpur,

Tarikh: 22 Februari 2022

# Laporan Juruaudit Bebas

kepada pemegang polisi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad  
(Diperbadankan di Malaysia) (No Syarikat. 198301008983 (104248-X))

DANA EKUITI ("EF"), DANA TERURUS ("MF"), DANA PERTUMBUHAN DINAMIK ("DGF"), DANA PENDAPATAN EKUITI ("EIF"), DANA GLOBAL HIGH PAYOUT ("GHP"), DANA ASIA MULTI-INCOMEPLUS ("AMIF"), DANA INDUK BON ("MBF"), DANA INDUK EKUITI ("MEF"), DANA INDUK DIVIDEN ("MDF"), DANA BON ("BF"), DANA PADU ("DP"), DANA INDUK DANA EKUITI ("MDE"), DANA IKHLAS ("DIF"), DANA ASEAN PLUS ("APF"), DANA INDUK ASEAN PLUS ("MAF"), DANA EKUITI ALL CHINA ALLIANZ LIFE, DANA GLOBAL KEPINTARAN BUATAN ALLIANZ LIFE, DANA PENDAPATAN ORIENTAL ALLIANZ LIFE, DANA EKUITI ASIA TOTAL RETURN ALLIANZ LIFE, AND DANA PENDAPATAN GLOBAL ALLIANZ LIFE (SELEPAS INI DIRUJUK SECARA KOLEKTIF SEBAGAI "DANA-DANA")

## LAPORAN MENGENAI AUDIT PENYATA KEWANGAN

### Pendapat kami

Pada pendapat kami, maklumat kewangan yang dilampirkan mengenai Dana-dana bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 disediakan, dalam semua bahan berkaitan, selaras dengan polisi-polisi perakaunan yang digariskan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang diterbit oleh Bank Negara Malaysia.

### Kami mengaudit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Dana-dana yang merangkumi penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2021, penyata pendapatan dan perbelanjaan, penyata perubahan nilai aset bersih, untuk tahun kewangan yang telah berakhir, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 2 hingga 96.

### Asas bagi pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dijelaskan pada bahagian "Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan" dalam laporan juruaudit kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

### Penekanan perkara – asas penyediaan dan batasan terhadap penyebaran dan penggunaan

Kami menarik perhatian kepada Nota 3 kepada maklumat kewangan yang menerangkan asas persediaan. Maklumat kewangan ini disediakan untuk membantu Dana-dana untuk memenuhi keperluan-keperluan bagi Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan dengan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia. Sebagai hasilnya, maklumat kewangan mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami bertujuan hanya untuk pemegang unit dana-dana sebagai sebuah organisasi dan tidak sepatutnya diedarkan kepada atau digunakan oleh mana-mana pihak selain daripada pemegang unit dana-dana. Pendapat kami tidak berubah berhubung dengan perkara ini.

### Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami bebas daripada Dana-dana selaras dengan Undang-undang Kecil (mengenai Etika Profesional, Tatalaku dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod EESBA.

---

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS MENGENAI MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### Maklumat lain daripada maklumat kewangan dan laporan juruaudit ke atasnya

Pengarah Allianz Life Insurance Malaysia Berhad ("Pengurus") bertanggungjawab atas maklumat lain. Maklumat lain termasuk maklumat yang terkandung dalam Laporan Prestasi Dana yang dijangka akan disediakan untuk kami selepas tarikh laporan juruaudit ini. Maklumat lain tidak termasuk maklumat kewangan Dana-dan dan laporan juruaudit ke atasnya.

Pendapat kami mengenai maklumat kewangan Dana-dana tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan ke atasnya.

Berhubung dengan audit kami mengenai maklumat kewangan Dana-dana, kami bertanggungjawab untuk membaca maklumat lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain adalah secara material tidak konsisten dengan maklumat kewangan Dana-dana atau pengetahuan kami peroleh dalam audit atau sebaliknya kelihatan disalahnyatakan secara material.

Sekiranya, berdasarkan usaha yang kami jalankan, kami memutuskan bahawa terdapat salah nyata material maklumat lain ini, kami dikehendaki untuk melaporkan kenyataan tersebut, Kami tiada apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

### Tanggungjawab Pengurus maklumat kewangan

Pengurus bertanggungjawab terhadap persediaan maklumat kewangan selaras dengan dasar perakaunan yang ditetapkan dalam Nota 3 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Perniagaan Berkaitan Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia, dan untuk kawalan dalaman sebagaimana dianggap perlu oleh Pengurus bagi membolehkan persediaan maklumat kewangan yang bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan maklumat kewangan ini, Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, sepertimana terpakai, hal-hal berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan sekiranya Pengurus sama ada berhasrat untuk membubarkan dana-dana atau menamatkan operasi, atau tiada alternatif realistik kecuali berbuat demikian.

Pengurus bertanggungjawab untuk mengawal selia proses pelaporan kewangan Dana-dana.

### Tanggungjawab juruaudit bagi audit maklumat kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan munasabah mengenai sama ada maklumat kewangan Dana-dan secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesalahan, dan untuk menerbit laporan juruaudit yang memasukkan pendapat kami.

Jaminan munasabah merupakan jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengenal pasti salah nyata material sekiranya ianya wujud.

Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka dapat mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berdasarkan penyata kewangan ini. Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan audit. Kami juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata material penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata material disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah nyata material, atau pelangkauan kawalan dalaman.

### **LAPORAN JURUAUDIT BEBAS MENGENAI MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

Maklumat lain daripada maklumat kewangan dan laporan juruaudit ke atasnya (sambungan)

- (b) Mendapatkan pemahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang sewajarnya mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan untuk memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Dana-dana.
- (c) Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Pengurus Dana-dana.
- (d) Memutuskan mengenai kesesuaian penggunaan perakaunan asas usaha berterusan oleh Pengurus dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian material berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Dana-dana meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami memutuskan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki menekankan dalam laporan juruaudit kami mengenai pendedahan berkaitan dalam pernyataan kewangan Dana-dana atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Dana-dana menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

Kami berkomunikasi dengan Pengurus mengenai perkara-perkara, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan penting dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa pengauditan kami.

### **HAL-HAL LAIN**

Laporan ini disediakan semata-mata untuk para pemegang unit Dana sebagai organisasi, dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak memberi tanggungjawab kepada mana-mana individu bagi kandungan laporan ini.

**PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT**

LLP0014401-LCA & AF 1146

Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur

22 Februari 2022

# Rangkaian Pejabat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad



## Perhubungan Pelanggan/ Pusat Perkhidmatan

A

Ground Floor, Block 2A Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan

Toll Free : 1 300 22 5542  
Website : [allianz.com.my](http://allianz.com.my)

## Wilayah Tengah

1

**Desa Jaya**  
Wisma Allianz Life  
No. 11-14, Jalan 53  
Desa Jaya Commercial Centre  
Taman Desa  
52100 Kepong  
Selangor Darul Ehsan

3

**Seremban**  
No. 44, Ground Floor  
Jalan S2 B18, Biz Avenue, Seremban 2  
70300 Seremban  
Negeri Sembilan Darul Khusus

2

**Klang**  
No. 46, Jalan Tiara 2C  
Bandar Baru Klang  
41150 Klang  
Selangor Darul Ehsan



### Wilayah Utara

**4**

#### **Penang**

Ground & 1st Floor  
No.1 China Street  
10200 Georgetown  
Penang

**6**

#### **Alor Setar**

No. 301, Ground & 2nd Floor  
Jalan Lumpur  
05100 Alor Setar  
Kedah Darul Aman

**8**

#### **Ipoh**

Unit No. A-G-1 & A-2-1  
Ground & 2nd Floor, Greentown Square  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said  
30450 Ipoh  
Perak Darul Ridzuan

**5**

#### **Bukit Mertajam**

No. 487, Jalan Permatang Rawa  
Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam  
Penang

**7**

#### **Sungai Petani**

No. 62B, 1st Floor  
Jalan Pengkalan, Pekan Baru  
08000 Sungai Petani  
Kedah Darul Aman



### Wilayah Selatan

**9**

#### Johor Bahru

#03-01 & #03-02, Block C  
#04-01, #04-02 & #04-03 Block C  
Komersil Southkey Mozek  
Persiaran Southkey 1, Kota Southkey  
80150 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim

**11**

#### Batu Pahat

No. 1-2 & 1-2B, Ground & 2nd Floor  
Jalan Maju 1, Taman Maju  
83000 Batu Pahat  
Johor Darul Takzim

**10**

#### Kluang

No. 5, Ground Floor  
Jalan Persiaran Yayasan  
86000 Kluang  
Johor Darul Takzim

**12**

#### Muar

No. 1, Ground, 1st & 2nd Floor  
Pusat Dagangan Bakri  
Jalan Bakri  
84000 Muar  
Johor Darul Takzim

**12**

#### Melaka

No. 374, Ground & 2nd Floor  
Jalan Melaka Raya 6  
Taman Melaka Raya  
75000 Melaka

### Wilayah Pantai Timur

**14**

#### Temerloh

No. 6, Pusat Komersil Temerloh  
Jalan Dato' Bahaman 3  
28000 Temerloh  
Pahang Darul Makmur

**15**

#### Kuantan

No. 4a & 6 (Construction Town)  
Jalan Putra Square 6, Putra Square  
25200 Kuantan  
Pahang Darul Makmur

**16**

#### Kota Bharu

Lot 1184, 1st Floor Jalan Kebun Sultan  
15350 Kota Bharu  
Kelantan Darul Naim



#### Wilayah Sabah

**17**

##### Kota Kinabalu

B-1-73, B-1-73a, B-1-75 & B-1-76  
 Riverson@Sembulan, Block B  
 First Level, Riverson Walk  
 Unit No. R-6-01, R-06-02 & Part of Unit  
 No. R-6-05, Level 6, Riverson Suites  
 Lorong Riverson@Sembulan  
 Off Coastal Highway  
 88100 Kota Kinabalu  
 Sabah

**19**

##### Tawau

TB320, Ground Floor  
 Block 38, Fajar Complex  
 Jalan St. Patrick, W.D.T. No. 33  
 Tawau 91009, Sabah

**18**

##### Sandakan

2nd Floor, Menara Rickoh  
 Indah Commercial Complex  
 Bandar Indah  
 Mile 4, North Road  
 90000 Sandakan, Sabah

#### Wilayah Sarawak

**20**

##### Kuching

Sublot 3, Ground Floor, Block 10  
 Jalan Laksamana Cheng Ho  
 Kuching Central Land District  
 93350 Kuching  
 Sarawak

**21**

##### Miri

Lot 3544, 1st Floor  
 Lot 3545, Ground Floor  
 Section 5, M.C.L.D Jalan Miri-Pujut  
 98000 Miri  
 Sarawak

**22**

##### Sibu

Lot 1726, No. 12-H  
 1st & 2nd Floor  
 Jalan Kampung Datu  
 96000 Sibu  
 Sarawak



**ALLIANZ.COM.MY**



**Allianz Life Insurance Malaysia Berhad**  
198301008983 (104248-X)

Level 29, Menara Allianz Sentral  
203, Jalan Tun Sambanthan  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur

**Tel:** +603 2264 1188 / 2264 0688  
**Fax:** +603 2264 1199